

TPP: Malaysia masih boleh terokai peluang lain

SHAH ALAM - Malaysia masih boleh meneruskan rundingan dengan 10 negara anggota lain walaupun Amerika Syarikat (AS) menarik diri daripada perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPP).

Penganalisis Ekonomi Sekolah Perniagaan Putra, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, fokus perundingan tidak semestinya berpaksikan TPP, sebaliknya boleh menerokai peluang ker-

jasama lain seperti Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA).

"Dari sudut ekonomi, sudah tentu ia peluang yang terlepas bagi syarikat tempatan untuk meluaskan lagi pasaran perniagaan ke peringkat antarabangsa dengan tiadanya duti atau cukai import dalam kalangan negara anggota.

"Namun, mungkin ada hikmah di sebalik penarikan AS daripada TPP," katanya.

Katanya, kelebihan setelah TPP tiada ialah sesebuah syarikat tidak memerlukan

dana tambahan dan mengurangkan risiko bankrap.

"Kebiasaannya apabila sesebuah syarikat ingin meluaskan perniagaannya, suntikan dana amat perlu.

"Ini sudah tentu meningkatkan *leverage* sesebuah syarikat iaitu nisbah liabiliti berbanding aset menjadi semakin besar, sekali gus meningkatkan risiko syarikat bankrap apabila berlakunya kemerosotan permintaan disebabkan kegawatan ekonomi global," katanya.